

The background of the slide features a bright sun in the upper left corner, with numerous rays of light extending across a clear blue sky. The bottom of the slide is filled with a dense field of vibrant green grass.

AQIDAH

UNIT 2

Kelas Bimbingan Dewasa

PERKARA YANG AKAN DIPELAJARI

- Percaya pada kewujudan Allah s.w.t
- Hanya Allah s.w.t. Tuhan yang berhak disembah.
- Syarat-syarat kalimah syahadah

PENGERTIAN IMAN KEPADA ALLAH

- ▶ Beriman kepada Allah:
Rukun Iman yang pertama.
 - Setiap Muslim WAJIB mengajui kewujudan Allah.s.w.t.

- ▶ Beriman kepada Allah *meliputi 4 perkara:*
 1. *Beriman kepada Allah itu wujud*
 2. *Beriman kepada Rububiyah Allah*
 3. *Beriman kepada Uluhiyyah Allah*
 4. *Beriman kepada Asma' dan Sifat Allah*

1. BERIMAN KEPADA ALLAH ITU WUJUD

- A) Mengakui akan kewujudan Allah adalah perkara fitrah. Apabila kita berdoa meminta sesuatu lalu permintaan itu dikabulkan, itu adalah bukti yang kuat dan secara yakin menunjukkan kewujudan Allah.

إِذْ تَسْتَغِيثُونَ رَبَّكُمْ فَاسْتَجَابَ لَكُمْ.... (9)

“Ingatlah, ketika kamu memohon pertolongan kepada Tuhanmu, lalu diperkenankanNya bagimu” (al-Anfaal:9)

1. BERIMAN KEPADA ALLAH ITU WUJUD

- B) Setiap yang baru pasti ada yang menciptakannya
Allah ialah Khaliq dan manusia adalah Makhluq. Mustahil
bagi makhluq menciptakan dirinya sendiri.

((أَمْ خُلِقُوا مِنْ غَيْرِ شَيْءٍ أَمْ هُمْ الْخَالِقُونَ (۳۵))

“Apakah mereka diciptakan tanpa sesuatu pun atautkah mereka yang menciptakan diri mereka sendiri?” (at-Tur:35)

1. BERIMAN KEPADA ALLAH ITU WUJUD

- C) Peraturan alam semesta yang harmoni dan beredar mengikut aturan yang telah ditetapkan. Ini menunjukkan alam ini diatur oleh Allah yang Maha Esa

لَا الشَّمْسُ يَنْبَغِي لَهَا أَنْ تُدْرِكَ الْقَمَرَ وَلَا اللَّيْلُ سَابِقُ
النَّهَارِ وَكُلٌّ فِي فَلَكٍ يَسْبَحُونَ ﴿٤٠﴾

“ Tidaklah mungkin bagi matahari mendahului bulan dan malam pun tidak dapat mendahului siang. Dan masing-masing beredar pada garis edarnya.” (Yaasin:40)

2. BERIMAN KEPADA RUBUBIYAH ALLAH

- ▶ RUBUBIYAH ALLAH bermakna mengakui bahawa Allah ialah Maha Pencipta, Pentadbir, Pengatur alam semesta. Pemilik, Pencipta dan Pemberi rezeki. Allah berkuasa mengawal segala kebaikan dan keburukan.
- ▶ BERIMAN KEPADA RUBUBIYAH ALLAH iaitu kepercayaan bahawasanya Allah ialah Tuhan yang tidak ada sekutu bagiNya dan Allah yang memberi rezeki kepada semua makhluknya.
- ❖ Tiada satu makhluk pun dapat keluar atau terlepas dari kekuasaanNya.

3. BERIMAN KEPADA ULUHIYYAH ALLAH

- ▶ ULUHIYYAH ALLAH bermakna mengesakan Allah dalam segala jenis ibadah yang disyariatkanNya. Hanya Allah sahaja yang BERHAK disembah. Seperti: Solat, Puasa, Zakat, Haji
- ▶ CONTOH BENTUK IBADAH: Seperti: Berdoa, Tawakkal, Istiqamah, solat, zakat dan seumpamanya.
- ▶ Mencari rezeki, belajar dan melakukan sesuatu pekerjaan jika diniatkan kerana Allah menjadi satu ibadah.

3. BERIMAN KEPADA ULUHIYYAH ALLAH

- ▶ Tujuan manusia dan jin diciptakan adalah untuk beribadah kepada Allah Yang Satu.

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

“ Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembahKu” (adz-Dzariyaat:56)

- ▶ Kewajiban utama setiap manusia adalah beriman kepada Uluhiyyah Allah.

4. BERIMAN KEPADA ASMA' DAN SIFAT ALLAH

- ▶ BERIMAN KEPADA ASMA' DAN SIFAT ALLAH bermaksud beriman dengan setiap nama dan sifat Allah yang disebutkan didalam al-Quran dan Hadith Sahih.
- ▶ Tidak ada satu pun yang menyerupai Allah s.w.t.

RUKUN IMAN

1

• BERIMAN KEPADA ALLAH

2

• BERIMAN KEPADA PARA MALAIKAT ALLAH

3

• BERIMAN KEPADA KITAB-KITAB ALLAH

4

• BERIMAN KEPADA RASUL-RASUL ALLAH

5

• BERIMAN KEPADA HARI AKHIRAT

6

• BERIMAN KEPADA QADA' DAN QADAR ALLAH

IMAN DAN SYAHADAH

▶ IMAN DARI SEGI SYARAK :

Mengucapkan dengan lisan, membenarkan secara yakin dengan hati, dan mengamalkannya dengan anggota badan, bahawa Allah itu ada, Maha Esa dan bahawa Allah itu bersifat dengan segala sifat kesempurnaan dan Maha Suci dari segala sifat kekurangan.

▶ Beriman kepada Allah tidak cukup sekadar dengan mulut dan dalam hati, mestilah dizahirkan dengan amalan syariat yang diperintahkan. (Teori dan Praktikal)

SYARAT لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

- ▶ IMAN DARI SEGI SYARAK:

Mengucapkan dengan lisan, membenarkan secara yakin dengan hati, dan mengamalkannya dengan anggota badan, bahawa Allah itu ada, Maha Esa dan bahawa Allah itu bersifat dengan segala sifat kesempurnaan dan Maha Suci dari segala sifat kekurangan.

- ▶ Beriman kepada Allah tidak cukup sekadar dengan mulut dan dalam hati, mestilah dizahirkan dengan amalan syariat yang diperintahkan. (Teori dan Praktikal)

SYARAT لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

► KALIMAH SYAHADAH MEMPUNYAI 7 SYARAT

1. Mengetahui makna لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
2. Yakin dengan makna kalimah syahadah
3. *Qabul* (terima) atau akur bahawa segala ibadah dilakukan hanya kepada Allah yang Maha Esa.
4. *Inqiyad* (patuh) terhadap segala suruhan dan perintah Allah

SYARAT لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

► KALIMAH SYAHADAH MEMPUNYAI 7 SYARAT

5. Jujur mengucapkan kalimat syahadah dari dalam hati.
6. Ikhlas dan membersihkan diri dari segala perbuatan syirik.
7. *Mahabbah* (cinta) kepada kalimat syahadah, memahami maknanya, mengamalkannya dan mengasihi orang lain yang menyembah Allah.